

**KURATOR**

Ziauddin Sardar
C Scott Jordan

ANJURAN

The Centre for Postnormal Policy
and Futures Studies (CPPFS)
www.cppfs.org



MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

DENGAN KERJASAMA

The International Institute
of Islamic Thought,
East and Southeast Asia
Level 4 KICT Building IIUM,
53100 Kuala Lumpur
www.cppfs.org
<http://iiit-esea.org>



MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

PENGURUS PAMERAN

Jasmin Binti Abdul Wahab
Eda Suhana Binti Sharudin

REKABENTUK

Effusion LLP
www.effusion.co.uk

SUSUNAN

Rock, Paper, Scissors Sdn Bhd
www.imrps.com

**HUBUNGI**

scott@cppfs.org

LAMAN SESAWANG


postnormaltim.es



The Centre for
Postnormal Policy
& Futures Studies

SCRIPT/MADANI

THE POSTNORMAL TIMES MADANI EXHIBITION




26—10
MEI NOV

2024

BERJAYA TIMES SQUARE
TINGKAT 10, NO. 1, JALAN IMBI
55100 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

BM

KL JAZZ AND ART CENTRE
PNT EXHIBITION 2023



Perutusan oleh

YAB PERDANA MENTERI



Marcapada yang pantas berubah kini hanya mengizinkan kepuasan yang segera nan sementara, tanpa sekelumit ruang pun untuk berehat, hatta mencangkir seteguk nafas, apatah lagi mengunjungi sebuah pameran. Namun, pada saat nilai dan hakikat dunia kian luntur, haruslah kita memperuntukkan sejumlah masa bagi merenungi matlamat yang sedang kita tuju. Pameran ini mengisahkan mengenai zaman pascanormal, diusahakan oleh rakan-rakan dari Pusat Kajian Dasar Pascanormal dan Masa Depan (CPPFS), yang bukan sahaja memberikan ruang yang amat diperlukan tatkala ini, bahkan turut mengusik dan mencabar andaian kita.

Pameran ini nyata berbeda daripada pameran-pameran lain. Pertama kalinya diadakan di Kuala Lumpur pada Oktober 2023, Pameran **'Welcome to Postnormal Times'** nyata mengujakan, namun turut mengundang rasa hiba. Teruja kerana mauduk yang disentuh itu agak menyeluruh, pada masa yang sama diolah dengan unsur berbeza, mencerminkan kerumitan dunia pada hari ini. Nyata bahawa perubahan yang sedang kita saksikan adalah unik dan tidak pernah berlaku dalam sejarah.

Kemudian, saya mula dicuit rasa hiba mengenang kan hal ini belum direnungi sepenuhnya kerana kita masih terperangkap dalam cara dan pemikiran usang. Sedangkan negara kita sudah pun menjadi titik persilangan interaksi pelbagai budaya, idea dan bakat – maka di sinilah segala wacana yang segar harus bertunas. Memimpin perjuangan pada zaman ini memerlukan cara fikir dan pendekatan yang baru. Negara kita mampu menawarkannya kerana kerencaman cara fikir, cara memandang dan cara hidup yang berbeza mampu ditemukan di sini. Kunjungan saya ke pameran yang lepas merumuskan satu perkara: bahawa pameran ini harus dilawati oleh rakyat daripada semua lapisan kaum agar kesedaran dan wacana mengenai dunia yang kian berubah dapat disuburkan, mudah-mudahan kita mampu mencorak masa depan negara yang lebih baik.

Wacana zaman pascanormal ini nyata mengesankan sehingga membekas di fikiran saya. Buku **"Membangun Negara MADANI"** dikarang hasil daripada pengalaman lebih empat puluh tahun berkhidmat kepada negara, diolah dengan cara pemikiran zaman pascanormal. Dasar Malaysia **MADANI** yang diperkenalkan diharap dapat melonjakkan negara ke suatu mercu peradaban yang lebih mampan dan ihsan.

Moga risalah kecil ini dapat menyajikan suatu mukadimah awal kepada selaut samudera ilmu yang luas agar dapat kita kemudi bahtera bangsa ini menuju kejayaan hakiki.


YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
PERDANA MENTERI

'Normal' sudah tidak wujud.

Zaman pascanormal (ZPN) memerihalkan keadaan dunia yang berubah dengan begitu pesat sekali. Bahkan perubahan itu sendiri turut berubah. Perubahan yang pesat telah menjelmaan dunia yang begitu rumit, sarat dengan percanggahan, dan penuh dengan keberantakan. Zaman pascanormal juga merupakan zaman peralihan – antara zaman matinya cara pemikiran usang dengan zaman baru yang masih belum muncul, di mana begitu sedikit sekali perkara yang masuk akal.

Maka kita tergantung antara perkara yang “tidak lagi” dengan “belum lagi,” keadaan yang tidak stabil – tidak ada yang tetap, malah arah tuju juga tergantung. Suatu zaman tanpa sebarang jaminan untuk kembali kepada masa lampau yang kita kenali, dan mahu pun ke arah masa depan yang kita ingini atau mampan.

Maka zaman pascanormal bukanlah seperti ‘pasca’ yang lain – seperti pasca-industri, pasca-ideologi, pasca-liberal, pascamoden – ia bukan suatu konsep yang boleh dinilai dan dinyahkonstruk. Sebaliknya, ia merupakan teori berubahnya perubahan dengan penekanan kepada diagnosis dan prognosis. Kita biasanya yakin dengan fakta dan nilai kita, dan menikmati masa yang selesa untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul. Namun pada zaman pascanormal, masa depan itu seumpama gerabak kereta api yang bergerak laju menuju entah ke mana – ‘tiada fakta yang pasti, nilai mula dipertikai, risiko adalah tinggi dan keputusan harus dimuktamad segera.’



PAMERAN INI MERUPAKAN SUATU BENTUK PEDAGOGI, JUGA SUATU BENTUK EKSPRESI SENI, YANG MENGETENGAHKAN HAKIKAT DAN CIRI-CIRI PASCANORMAL.

Seakan-akan pascanormal memanggil kita, maka menerusi pameran ini kita diundang untuk meneliti perkembangan semasa yang bakal merubah dunia secara radikal – sehingga mengancam kewujudan kita – serta mencabar andaian dan sikap bias kita terhadap zaman ini dan kemungkinan pada masa depan. Pameran ini direka khas untuk mempersoal mengenai apa yang 'normal' dan apa yang tidak; menjelaskan ciri utama zaman pascanormal serta pendorongnya; meneroka cabaran dan potensi masa depan; serta memastikan keampuhan nilai yang diperlukan bagi mengemudi zaman pascanormal.

Panggilan pascanormal ini disahut oleh pendekatan MADANI. Dalam konteks Malaysia, MADANI menjadi wahana penting bagi mengemudi zaman pascanormal menerusi penekanan enam rukun utama – Mampan, sejAhtera, Daya cipta, hormAt, keyakiNan, dan lhsan – ia bagi memastikan aspek kebudayaan kita terus dipelihara di samping nilai akhlak dalam dunia yang serba tidak tentu. Meskipun pendekatan MADANI pada asalnya dibangunkan untuk tujuan penggubalan dasar kerajaan pada zaman pascanormal, pendekatan ini mempunyai manfaat yang sebenarnya turut mencakupi seluruh masyarakat. MADANI merupakan



wahana bagi membina negara dan memperkasa rakyat demi masa depan yang lebih panjang.

Pameran ini memaparkan perubahan yang sedang berlaku dengan jangkaan peristiwa berdasarkan potensi yang ada, serta bagaimana kita mampu membawa negara menuju masa depan yang kita dambakan.



Zaman pascanormal tidak muncul secara tiba-tiba. Seperti juga perkara lain, ia tertakluk kepada garis masa, dan hanya dikesan setelah beberapa pemerhatian dilakukan – ia juga muncul dalam konteks, cara dan masa yang berbeza. Apabila kita merenung semula dunia yang serba pantas dan saling berhubung pada hari ini, semakin banyak perkara yang membangkitkan satu persoalan penting: **Apa yang telah terjadi?**



PASCA KEBENARAN

Fenomena pemalsuan maklumat dan pembohongan bukanlah suatu perkara baru. Kita berdepan kesukaran dalam menyaring fakta daripada naratif rekaan lantaran kebanjiran maklumat dan pantasnyanya sesuatu berita tersebar, sehingga kebenaran menjelma seolah-olah nisbi. Kemajuan teknologi juga tidak begitu membantu dalam membezakan antara yang benar dan yang palsu. Ketiadaan kepakaran dalam hal ini mengundang cabaran yang lebih besar – kini sesiapa sahaja di dunia maya mampu memutuskan kebenaran sesuatu perkara.



REVOLUSI AI


Hadirnya kecerdasan buatan (AI) telah membuka lembaran baru kepada perkembangan teknologi dan analitik data raya yang lebih pesat. Namun, ia turut mengusur masalah kegelisahan sosial dan eksistensial dalam masyarakat. Bahkan, sikap berat sebelah AI nyata telah membenarkan kekhuatiran kita selama ini, yakni betapa pun teknologi semakin maju dan cekap, namun ia tidak mampu membebaskan manusia daripada cengkaman kesenjangan, perkauman, xenophobia dan kecenderungan ke arah fasisme, malah lebih parah ia meneruskan lagi segala kejahatan ini. Persoalan lama timbul kembali, memaksa kita untuk memikir semula apakah yang sejatinya menjadikan kita manusia, dan apa akibatnya jika mesin dibenarkan untuk membuat keputusan bagi pihak kita.



CAMPURAN GENETIK

Kemampuan merubah komposisi genetik mempunyai manfaat dan mudaratnya. Di satu sisi, ia merupakan peluang memajukan teknologi perubatan bagi merawat dan mencegah kecacatan dan penyakit. Di satu sisi yang lain, ia membuka pintu kepada satu bentuk dan piawai sosial serta budaya terkait hakikat kecantikan, keupayaan, dan rupa bentuk tubuh yang ideal. Selain mengancam aneka kepelbagaian dan jamak budaya, teknologi genetik juga digunakan untuk menyasarkan generasi baru dalam konteks peperangan. Igauan lampau terkait amalan eugenik yang mengerikan juga menjelma kembali. Demikian tabiat kita yang gemar mengujikaji sesuatu, tanpa kepakaran dan ilmu yang benar-benar jitu, sehingga mendedahkan kita kepada risiko yang berpanjangan.

APA YANG TELAH TERJADI? GTELAH TERJADI? LAH TERJADI?



MALAPETAKA IKLIM

Berdasarkan fakta sains yang terkumpul, telah jelaslah bahawa tamadun manusia telah meninggalkan jejak yang tampaknya akan berkekalan terhadap alam ini. Selama ini perubahan iklim diperkirakan sebagai suatu masalah masa depan. Namun, kini kita sedang menyaksikannya secara nyata; bahkan disebut-sebut sebagai “darurat iklim.” Dampaknya mula dirasakan berlaku dengan amat pantas dan lebih berantakan daripada yang dijangkakan. Malapetaka iklim yang berlaku secara serentak akan menjadikan bumi mustahil lagi untuk dihuni, dengan yang paling terkesan adalah kelompok miskin dan yang terpinggir. Kita juga bergerak pantas daripada “perubahan iklim” dan “pemanasan global” kepada “darurat iklim,” dan sekarang kepada fasa “pendidihan global” seperti yang telah diisytihar oleh PBB.



DUNIA TERGENDALA AKIBAT COVID

Jelaslah dunia pada hari ini sudah banyak berubah, apabila satu virus yang maha kecil mampu mengakibatkan tergendalnya seluruh kegiatan manusia di muka bumi. Semasa dunia berhenti berputar, waktu tetap berjalan – namun, segala kegiatan manusia bermula daripada jual beli, pelancongan, rantaian bekalan, ekonomi dan kehidupan seharian, bahkan hubungan asasi sesama manusia sendiri terganggu – menampakkan bahawa perubahan itu sendiri berubah.



TATAKELOLA YANG USANG


Sistem dan tatakelola yang usang, yang hanya bertahan dengan cara mengeneipkan soal ketelusan, keabsahan, dan keyakinan, jelas tidak mampu untuk menangani isu-isu yang baru muncul serta teknologi baru dalam dunia global yang saling berhubung. Krisis sejagat, bermula daripada rasuah hinggalah kepada penularan wabak, telah mendedahkan keretakan dan kepincangan yang serius dalam sistem politik kita yang sememangnya sudah bermasalah; yang akhirnya memberi ruang kepada kaum pelampau dan autoritarian untuk mengeksploitasi kelemahan ini.

APA YANG BERLAKU SEBENARNYA?

Sejak awal permulaan kurun ke-21, ramai pemikir dari seluruh pelusuk bidang cuba untuk menamakan kemunculan peristiwa-peristiwa luar biasa yang muncul sejak tahun 2000-an. Namun, hakikatnya mereka sepakat dalam satu perkara, yakni apa yang disebut sebagai norma, yang kita anggap sebagai biasa, kini sedang terluput.



Zygmunt Bauman
Liquid Times



Pankaj Mishra
The Age of Anger




Donna Haraway
Chthulucene




Adam Curtis
Hyper-Normalisation




Robert Colvile
The Great Acceleration



Nancy Fraser
The Old is Dying and the New Cannot Be Born



Shoshana Zuboff
The Age of Surveillance Capitalism



Katharine Hayhoe
Global Weirder

Hakikatnya, mereka semua memperkatakan perkara yang sama

– ‘normal’, apa yang kita ambil mudah, kini sukar untuk ditangani.

IT WILL

AI DOESN'T HAVE TO BE EVIL TO DESTROY HUMANITY

- IF AI HAS A GOAL AND HUMANITY JUST HAPPENS TO COME IN THE WAY,

DESTROY

IT WILL DESTROY HUMANITY AS A MATTER OF COURSE

HUMANITY

WITHOUT EVEN THINKING ABOUT IT, NO HARD FEELINGS

Elon Musk, Canadian South African technology entrepreneur and inventor



BAD OFFICIALS ARE ELECTED BY GOOD CITIZENS WHO DO NOT VOTE

George Jean Nathan, American critic

VOTE

KITA SEDANG MENEMPUH ZAMAN POSCANORMAL



Ini merupakan tempoh peralihan antara dua zaman. Kita harus menyeimbangkan antara yang lama dengan yang baharu, sambil bergerak ke hadapan dan melangkaui rintangan yang menjadi batu penghalang.

Di zaman pascanormal, Jika hujan yang lebat pasti turun mencurah-curah. Dengan hanya satu ciapan yang cuai mampu memberi kesan kepada seluruh dunia...

“Kita tidak boleh kembali ke normal kerana normal itulah punca masalah sebenarnya.”

WHAT POWER DOES POSTNORMAL TIMES GRANT US?



Greta Thunberg, school
climate change warrior
'Some people can let t
go. I can't'.
The Guardian | The G2 interview

Conclusion

**'To do your best is
no longer good enough**

British GQ | 12 August 2019

SKOLSTREJK
FÖR
KLIMATET




THE 4S's

PERUBAHAN PASCANORMAL


Perubahan Pascanormal

bergerak dengan laju, berlaku secara serentak, dengan skop yang global dan mengesankan individu untuk skala yang luas. Kelajuan, keserentakan, skop dan skala, ringkasnya disebut sebagai **2K2S**.




KELAJUAN

Perubahan berlaku pada kadar yang kian pantas. Paling jelas kita menyaksikannya dalam perkembangan pesat teknologi dan kitaran berita tiap hari, namun kini ia telah meresap dalam setiap peringkat masyarakat, sehingga setahun terasa seminggu, sehari, sejam, bahkan beberapa saat sahaja. Yang lama pantas bertukar menjadi usang pada kadar yang begitu laju. Yang kaya bertambah kaya dengan lajunya, sementara yang miskin juga bertambah miskin.



SKOP

Memandangkan segalanya kini lebih pantas, dunia terasa begitu kecil, terutama apabila skop meledak. Teknologi dan penerbangan memungkinkan pergerakan secara global dengan usaha yang kecil pada kadar yang pantas. Media sosial menjadikan individu dan acara biasa tular, dan seterusnya menjadi sensasi global. Acara kecil setempat boleh diselenggara di suatu kawasan yang besar, dan di dua tempat berbeza dengan kelajuan yang tinggi; virus di sebuah perkampungan kecil boleh berubah menjadi pandemik global dalam masa beberapa hari, mengakibatkan putaran dunia terhenti.



SKALA

Perbezaan antara global dan tempatan terus menjadi kabur tatkala skala semakin dilihat mengecil. Sesuatu perkara kini boleh menjadi global, menjangkau dunia yang luas hingga ke peringkat individu. Tiada manusia yang boleh hidup sendiri, dan sekecil-kecil perkara boleh memberi kesan besar kepada semua. Perubahan iklim, kemelut kewangan, gangguan rantaian bekalan, wabak penyakit, dan pelbagai gangguan boleh memberi kesan seluruh pelusuk dunia. Tiada siapa pun yang boleh mengabaikan apa yang berlaku di suatu sudut terpencil di dunia dengan andaian mereka tidak sesekali akan terkesan.

Nama Sam Bankman-Fried melonjak naik ke

puncak kemewahan dunia mata wang kripto

sebelum mencapai umur 30 tahun. Kurang dari

2 tahun, segalanya hancur. Dalam kadar kelajuan,

skop dan skala tidak pernah berlaku sebelumnya.

Sam jatuh dan dihukum sebagai penjenayah.



KESERENTAKAN

Pertembungan kelajuan, skop dan skala menjadikan keadaan semakin tidak keruan dalam menghadapi keserentakan yang semakin berleluasa. Tidak ada peristiwa atau kemelut yang muncul daripada vakum, atau mengikut aturan secara tertib. Semuanya berlaku secara serentak dan saling bertindih, lantas menyukarkan penyelesaian melalui strategi konvensional. Pelbagai perkara berlaku secara serentak, kemelut politik di samping cabaran ekonomi, dan di samping pertembungan masyarakat dan seterusnya!



THE 3C's


Kelajuan, cakupan, skala, keserentakan Kelajuan, keserentakan, skop dan skala merupakan tunjang kepada perubahan pada Zaman Pascanormal, dan ia disusuli pula dengan Kerumitan, Keberantakan dan Kesalingcanggahan (3K).

DAYA PASCANORMAL

SHIBUYA
CROSSING



JELLYFISH



KEBERANTAKAN

Keberantakan merupakan pintu kepada sebuah perubahan radikal. Keberantakan bererti tamatnya riwayat kebiasaan dan lahirnya sesuatu yang baru. Ia muncul daripada pelbagai pembolehubah mandiri yang berinteraksi dalam pelbagai cara dalam sebuah sistem rumit yang berangkai. Suatu gangguan yang kecil mampu menghasilkan kesan yang besar – yang diungkapkan sebagai 'Kesan Rama-rama'. Sistem sedemikian berupaya mengimbangi keberantakan dan ketenteraman. Titik keseimbangan ini disebut sebagai di pinggir keberantakan, menggambarkan sistem yang tergantung antara kestabilan atau transformasi kepada keberantakan.

SODAS

If we add all the water required to grow the needed ingredients for soda (like sugar cane) the resulting ratio would be

250 Litres of water per litre of soda

VEGETABLES

In order to make all required vegetables available all year round, many countries are switching to intensive farming that:

- Is reliant on pesticides
- Is dependent on fossil fuels
- Reduces biodiversity
- Lowers overall quality

BEEF BURGER

300 Million cattle are slaughtered to produce the

71 Million tons of meat eaten every year

WATER CONSUMPTION

1 Pound of beef takes

7 Litres of water to produce

GUACAMOLE

Guacamole is made from avocado - a high water consuming plant. This requires:

2,000 Litres of water to produce

1 Kilogram of avocados

CHEESE

Most dairy products come from the milk of cows or buffalo.

Every second

45,863 Pounds of milk are produced globally.

BURGER BUN

Russia is the world's #1 wheat exporter (more than 37 million Tons in 2020) and Ukraine is #5 (with over 18 million Tons).

The ongoing war between these two has created a strain on the market that requires serious rethinking and innovation to overcome.

FOSSIL FUEL COSTS

US farming accounts for:

17% of the country's fossil fuel use


On average, 4.7 units of energy are needed to produce

1 Kilogram of beef

GMO FOOD


95% of animals used for meat and dairy in the United States eat GMO crops.

SEBIJI BURGER YANG RUMIT



KERUMITAN

Kerumitan terwujud dalam setiap sistem yang mempunyai banyak input dan output. Ia adalah suatu penilaian terhadap hubungan dan keterhubungan. Sistem yang rumit memiliki dua ciri penting: ia mempunyai ketidaktentuan yang signifikan yang tidak boleh ditangani sebagai 'risiko'; dan ia mempunyai kepelbagaian perspektif yang sah. Dalam sebuah sistem yang rumit, yang terdiri daripada jaringan pelbagai komponen mandiri yang saling berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain, suatu natijah yang positif boleh dihasilkan: yakni suatu mekanisme gelung yang mampu memaksimumkan dampak sesuatu perkara. Namun sistem sebegini juga akan terdedah kepada kekecamukan yang kadangkala mengundang keberantakan. Iklim, organisma, ekosistem, pertubuhan sosial, budaya, otak kita, dan perkhidmatan kesihatan merupakan antara beberapa contoh sistem yang rumit.



KESALINGCANGGAHAN


Kesalingcanggahan merupakan ketidaktekalan logik dan keadaan yang tidak memungkinkan berdamainya pendirian berbeza, acap kali berpunca daripada ketidakseimbangan sistemik dan ketaksaksamaan berstruktur. Suatu sistem yang rumit merangkumi banyak unsur yang secara logik memang tidak saling bercanggah, lebih-lebih lagi jika ianya di pinggiran keberantakan. Kesalingcanggahan, dengan pandangan dan perspektif yang tidak dapat didamaikan, tidak mungkin dapat diselesaikan: ia hanya mampu dilangkaui. Dalam erti kata lain, kesalingcanggahan harus disintesis dan menghasilkan pendirian baru yang menggabungkan sebahagian besar daripada pendirian yang berbeza ke dalamnya.



KISAH JUSTINE SACCO



Tanggal 20 Desember 2013, Justine Sacco, pengarah kanan komunikasi korporat berusia 30 tahun di IAC sedang mengembara dari New York City, AS ke Cape Town, Afrika Selatan untuk bercuti. Justine memuat naik ciapan berikut sebelum menaiki penerbangan.



Saat mendarat di Cape Town, dia menjadi sohor kini di seluruh dunia dengan tanda pagar **#HasJustineLandedYet**. Kurang 3 minggu daripada tersebarnya ciapan itu, dia telah diarahkan untuk meninggalkan IAC. Justine juga bujang dan tidak dapat berkenalan dengan orang lain. Perjalanan pulang ini menunjukkan bagaimana **4S** mengundang **3C** yang akhirnya mengakibatkan pengalaman pascanormal buatnya.



DARI KESIHATAN KEPADA FASISME: PENGALAMAN JANE

Jane merupakan anggota lama sebuah kumpulan meditasi di Devon, Britain. Kumpulan itu kerap bertemu dan disatukan oleh perjuangan 'isu alam sekitar, isu kerohanian, dan kesihatan alternatif.' Pada satu hari, Jane telah dijangkiti COVID-19 semasa mengunjungi London dan dimasukkan ke hospital.

Kerana terlalu takut untuk menggunakan nama sebenarnya, dia hanya mengaku sebagai Jane dalam temu ramah bersama **The Guardian...**

Salah seorang rakannya dari kumpulan tersebut menelefonnya dan menegaskan bahawa sebenarnya dia 'tidak menghadapi Covid.' Dia menjawab, 'jadi mengapa saya dimasukkan ke hospital?' Rakan itu mengakui yang dia memang jatuh sakit, tetapi ia bukan COVID-19 kerana COVID-19 merupakan satu pembohongan. Setelah Jane pulih, dia pun pulang ke rumah. Tetapi kini kumpulan meditasinya telah semakin jauh dari kebiasaan. Ia telah berubah menjadi fasis. Bermula dengan meditasi kesihatan, dengan "Covid tidak wujud," bantah perintah berkurung, bantah pelitup muka, kini ia telah membantah segala-galanya: BBC berbohong, jangan percaya cakap mereka; ikuti apa yang dilihat di internet.' Apabila kumpulan itu secara terbuka mula memainkan video yang mempromosi fasisme, Jane terus meninggalkan kumpulan itu.

Kes sebegini bukan satu kejadian yang terpencil. Ia merupakan satu contoh fenomena global yang dikenali sebagai 'dari kesihatan kepada fasisme.' Guru yoga, ahli terapi fizikal, jurulatih peribadi dan seumpamanya dalam bidang perubatan alternatif pada awalnya akan mengetuai sesi regangan dan meditasi, tetapi pada minit berikutnya akan berbicara mengenai penyembunyian makhluk asing dan pelbagai teori konspirasi lain. Wanita, suri rumah dan kanak-kanak, yang dikategorikan sebagai 'majoriti senyap,' merupakan sasaran utama, namun individu yang berpendapatan sederhana, merekalah yang paling dipengaruhi oleh gerakan ini.

Apabila sesuatu perkara itu menjadi semakin global, masyarakat begini akan semakin mengasingkan diri mereka. Niat yang pada asalnya baik untuk mensejahterakan kesihatan dengan cepat boleh berubah kepada sesuatu yang sangat toksik.

KETIDAKTENTUAN

KONDISI PASCANORMAL

Dengan bergabungnya 3K – kerumitan, keberantakan dan kesalingcanggahan—dan munculnya pascanormal, maka terhasillah sejumlah besar kejahilan dan ketidaktentuan, yang mencorak cara kita memahami masa sekarang dan masa hadapan yang dibayangkan. Teori **PNT** menggunakan pendekatan lapisan dalam menanggapi kejahilan dan ketidaktentuan.



KETIDAKTENTUAN RIAK AIR/PERMUKAAN

Ketidaktentuan permukaan
Ketidaktentuan di permukaan adalah bilamana kita saksikan perubahan berlaku, namun masih tidak pasti untuk menentukan arah tujuanya serta kesannya secara keseluruhan.

Sebagai contoh, adakah teknologi pengecaman wajah akan tiada lagi? Apakah yang akan berlaku kepada privasi kita? Bagaimanakah perang Rusia-Ukraine akan mengubah dunia? Adakah kereta separa mandiri akan menjadi perkara biasa suatu hari nanti? Apakah yang telah berlaku kepada MH370? Bagaimana pula jika Donald Trump menjadi Presiden AS sekali lagi? Kita tidak boleh mendapatkan jawapan yang memuaskan untuk kebimbangan sedemikian dengan hanya mencari di Google dan bertanya **ChatGPT**.

KETIDAKTENTUAN AIR CETEK/DANGKAL

Ketidaktentuan dangkal berlaku apabila kita merasa digerakkan oleh arus perubahan yang deras dan menyedari bahawa kita mendiami landskap yang sering berubah.




Di sini, kita tidak mengetahui arah perubahan sama sekali. Apakah akibat yang akan dibawa oleh perubahan iklim dan 'pendidihan global'? Bagaimanakah kelakuan Kecerdasan Buatan pada masa hadapan? Bagaimanakah dunia akan berubah dengan kebangkitan fahaman fasisme? Di sini, perubahan langsung itu tidak diketahui; dan tahap ketidaktentuan – akibat daripada penumpuan kerumitan, keberantakan dan kesalingcanggahan – adalah jauh lebih tinggi dan tidak boleh diuruskan. Wujud bahaya kita dihanyutkan ke laut walaupun berada di perairan yang cetek.

KETIDAKTENTUAN DERAS AIR DALAM


Ketidaktentuan yang dalam berbicara mengenai perubahan radikal yang mampu memupuk perasaan tidak berguna dan kemungkinan yang tidak terduga. Ia adalah ruang di mana tiada perkara yang kita ketahui dan dapat kita ketahui – inilah perkara yang benar-benar tidak diketahui – kerana ia terletak di luar pandangan sarwa kita. Ia pada asasnya adalah sesuatu yang Tidak Difikirkan: suatu ruang yang hanya mengandungi persoalan.

Bagaimanakah dunia tanpa kapitalisme? Bagaimanakah kita akan hidup di bumi yang nazak direnggut perubahan iklim? Bagaimanakah rupa kehidupan di bawah laut atau di luar angkasa? Menerokai persoalan sedemikian memerlukan kita untuk menyahbelajar dan merubah cara fikir kita. Untuk mengakui sikap bias kita dan menyoal cara kita memahami sesuatu, mempelajari perspektif lain dan menghormati adanya cara alternatif untuk belajar dan mendapat pengetahuan. Revolusi epistemologi adalah asas kepada interaksi dengan ketidaktentuan yang mendalam.



KEJAHILAN

Seperti juga ketidaktentuan, teori ZPN mengambil pendekatan berlapis apabila berbicara mengenai kejahilan.



KEJAHILAN YANG NYATA

Kejahilan yang nyata berpunca daripada kelemahan pengetahuan berfakta, tersalah faham terhadap budaya, pandangan sarwa dan cara hidup orang lain.

Contoh yang baik tentang kejahilan yang nyata adalah sikap keterlaluan kedua-dua pihak berkaitan minyak sawit. Walaupun isu penebangan hutan, penggunaan racun perosak, dan pemerasan buruh tidaklah sepenuhnya tiada dalam pengeluaran minyak sawit, namun adakah minyak sawit benar-benar sedang memusnahkan planet ini? Atau lebih parah daripada mana-mana sektor pertanian yang lain? Adakah minyak sawit suatu isu yang perlu dibawa ke The Hague kerana pencabulan hak asasi manusia? Dengan adanya ketelusan dalam industri sawit dan perbincangan yang lebih terbuka, serta sikap berat sebelah dan motif tersembunyi diakui, maka tentunya ia dapat menyuraikan kejahilan yang nyata mengenai minyak sawit.

Satu lagi contoh adalah teknologi nuklear. Letupan, politik dan imaginasi kita yang boleh mencapai tahap mengerikan telah menjadikan teknologi nuklear sebagai konsep yang penuh dengan kejahilan yang nyata. Walaupun teknologi nuklear membuka pintu kepada senjata pemusnah dan penderitaan besar-besaran, ia juga merupakan sumber tenaga yang ampuh. Tanpa menidakkan kelemahannya, stigma di sekeliling perkataan 'n' menghalang sebarang penyelidikan lanjut yang boleh meningkatkan teknologi ini agar dapat melangkaui imej Chernobyl dan Fukushima. Terdapat juga persoalan berkaitan kuasa dalam soal politik siapa yang boleh dan tidak boleh mempunyai akses kepada teknologi ini, yang hanya melanjutkan lagi kejahilan yang mendasari konsep mereka yang berada dan mereka yang tidak berada. Teknologi nuklear penuh dengan kejahilan yang nyata.



**IGNORANCE
BLINKERS**



KEJAHILAN CABANG

Kejahilan cabang berpunca daripada pengetahuan yang kini kita tidak ada, tetapi boleh diperolehi dalam masa terdekat atau lebih lama sedikit menerusi kaedah pembelajaran baharu. Kecelikan masa depan adalah asasi untuk memahami kejahilan cabang.

Contoh yang paling jelas adalah Kecerdasan Buatan, atau AI – Disebabkan ianya isu yang kompleks, AI telah menjadi punca kepada kejahilan cabang. Sebagai contoh, tidak ramai yang menyedari perbezaan antara AI sempit, AI umum dan AI super dan apakah tahap kemampuan teknologi kita sekarang. Sebahagian besar beranggapan bahawa aturannya bermula daripada AI kemudian kepada robot, kepada beberapa ciptaan cereka sains yang tidak berasas. Kesukaran memahami AI menjurus kepada berleluasanya kejahilan cabang yang seterusnya menimbulkan ketakutan dan sikap tidak peduli. Walaupun kita mungkin belum lagi diburu oleh mesin yang hidup, cara kita belajar, mengetahui, dan hidup sudah banyak dipengaruhi dan dirubah oleh mesin. Yang menjadi ancamannya adalah bukan sekadar apa yang AI akan fikirkan tentang kita, tetapi juga bagaimana kita akan membiarkan AI memutuskan dan menakrifkan apa yang dimaksudkan sebagai manusia – satu percanggahan yang bakal mengundang malapetaka.



**COGNIZANCE
GOOGLES**



KEJAHILAN AKAR

Kejahilan akar adalah hasil daripada apa yang Tidak Difikirkan; kita tidak pernah firkannya kerana bukan sahaja ianya luar dari kerangka pengetahuan kita, tetapi juga luar daripada andaian, prinsip dan pandangan sarwa kita yang paling asas. Untuk kejahilan akar yang dalam begini, kita harus menyahbelajar apa yang mengekalkan kita dalam kejahilan, memikir semula andaian kita, dan merubah pandangan sarwa kita.

Kapitalisme merupakan contoh yang baik. Terdapat sebuah kalam masyhur yang berbunyi, 'adalah lebih mudah untuk memikirkan tentang pengakhiran dunia daripada dunia tanpa kapitalisme,' yang telah dikaitkan dengan beberapa orang. Hal ini kerana kapitalisme telah menjadi sebahagian daripada cara hidup kita – ia bukan sahaja soal ekonomi tetapi juga soal budaya, masyarakat, bahasa, malah interaksi orang lain dengan kita. Ia adalah sistem yang sangat teguh dan mendominasi sehinggakan alternatif yang ada sekarang diambil dari konteks kapitalisme. Kita juga menilai diri kita sendiri dengan cara sejauh mana kita mahir dalam kapitalisme, tanpa mengira mereka yang gugur di pertengahan jalan, serta jurang ketidaksamaan yang melebar dan kemiskinan yang menjadi harganya. Untuk melangkaui kapitalisme kepada dunia pasca-kapitalis memerlukan kita untuk membuang semua andaian yang berasaskannya, meninggalkan pandangan sarwanya, dan memikir semula sepenuhnya konsep sebuah kehidupan yang baik dan sejahtera.

Satu lagi contoh adalah Islamofobia. Perasaan jijik yang menunjangi Islamofobia bukan sekadar kebencian atau salah faham, tetapi suatu ketakutan terancang terhadap Islam dan penganutnya hingga meresap ke dalam budaya, bahasa, dan masyarakat. Ini adalah kebencian yang didorongi oleh ketakutan bahawa kewujudan yang lain mengancam kewujudan kita sendiri. Ia hanya boleh diatasi dengan mempersoal diri kita, termasuklah sikap bias dan prasangka yang wujud, dan belajar berasaskan pengalaman untuk benar-benar mengenali orang lain. Ia memerlukan transformasi menyeluruh dalam pandangan sarwa seseorang.

HAIWAN PASCANORMAL

Zaman pascanormal tidak boleh dikawal atau diurus. Ia hanya boleh dikemudi. Namun, untuk mengemudi ZPN, kita perlukan keupayaan dan kesedaran bagi mengesan tanda-tanda perubahan awal, dan seterusnya cuba memahami kepelbagaian skala dalam trend semasa dan kemunculan isu baru. Kita harus menjangkakan sekiranya trend atau isu baru, dalam dunia yang serba global, saling berkait, rumit dan pantas berubah ini, mempunyai potensi untuk menjadi pascanormal.




Are you seeing the black elephant
in the room?

Kita harus cermati, bukan sekadar gangguan seismik atau perubahan yang berskala besar, tetapi juga tiap perkara yang dapat dilihat dan tidak dilihat daripada pelbagai sudut. Koleksi Haiwan Pascanormal merupakan suatu simbolisme yang boleh membantu kita untuk menghargai perspektif, memperbaiki kejahilan, dan mengarahkan tumpuan kepada ketidaktentuan yang terselindung di sebaliknya. Tiga haiwan itu adalah **Gajah Hitam**, **Angsa Hitam**, dan **Obor-obor Hitam**.



GAJAH HITAM



Gajah Hitam merupakan peristiwa yang sangat mungkin berlaku dan telah diramalkan secara meluas, namun ramai yang mengabaikan atau meremehkannya. Dari perspektif kita, Gajah Hitam mencabar kita untuk bertanya:

Apakah yang seringkali dilepas pandang atau tidak dilihat oleh orang ramai?



ANGSA HITAM




Angsa Hitam adalah 'pesisih,' yang berlaku di luar dan jauh daripada pemerhatian kita. Mereka kelihatan muncul secara tiba-tiba dan mengganggu tatanan di peringkat sistemik. Dari perspektif kita, Angsa Hitam menuntut kita untuk bertanya: Apakah yang disangkakan orang tidak akan berlaku?

Apakah yang disangkakan orang tidak akan berlaku?



OBOR-OBOR HITAM



Obor-obor Hitam melambangkan fenomena dan/atau peristiwa yang didorongi oleh maklum balas positif, lalu menjurus kepada huru-hara. Dari perspektif kita, Obor-obor Hitam mendesak kita untuk mempersoal:


Apakah yang mampu atau mungkin menjurus kepada keberantakan?

BAGAIMANAKAH KITA MEMBEZAKAN ANTARA ZAMAN PASCANORMAL YANG KONTEMPORARI INI DENGAN ZAMAN-ZAMAN SEBELUMNYA?

Zaman Kontemporari dikatakan merangkumi sejarah yang masih segar dalam 'ingatan hidup'. Secara amnya, ingatan hidup menjangkau hingga kira-kira lapan puluh tahun. Bermakna lebih kurang tempoh semenjak Perang Dunia Kedua, yang menandakan munculnya Zaman Bom Atom dan berpisahannya dengan zaman lalu, dan ia dianggap sebagai zaman sekarang atau terbaru dalam sejarah dunia. Namun pada masa ini, perubahan yang pesat berlaku mengakibatkan zaman-zaman sejarah semakin mengecut dan termampat.

Zaman Kontemporari telah dibahagikan kepada Klasik (1920-1950), Moden (1950-1980) dan Pascamoden (1980-2005). Pada tahun 2006, perkataan 'to google' telah menjadi kata kerja yang ditambah kepada Kamus Merriam-Webster edisi ke-sebelas, menandakan bermulanya zaman Pascanormal.

Garis Masa ini meneroka dan membezakan antara tempoh-tempoh dalam zaman Kontemporari bagi menunjukkan bagaimana ciri-ciri tertentu seperti Makna, Kebenaran, Identiti, Sistem, Konsep Utama, Pandemik, Perkahwinan, Alam Semula Jadi, Pengetahuan, Teknologi, dan Jantina berubah dari satu tempoh ke tempoh yang lain.



KEBENARAN

Kebenaran



Ditakrifkan

KLASIK

Kebenaran



Monolitik

MODEN

Kebenaran



Nisbi

POSCAMODEN

Kebenaran



saling bercanggah/
pascakebenaran

POSCANORMAL

IDENTITI

Identiti



Aku
Tradisi dan
Budaya

KLASIK

Identiti



Aku
Sains dan
Teknologi

MODEN

Identiti



Aku
Apa Yang
Aku Beli

POSCAMODEN

Identiti



Aku
Dalam Talian

POSCANORMAL

MAKSUD

Maksud



Aku
Berfikir,
Maka
Aku
KLASIK

Maksud



Aku
Maju,
Maka
Aku
MODEN

Maksud



Aku
Beli,
Maka
Aku
PASCAMODEN

Maksud



Aku
Beli,
Maka
Aku
POSCANORMAL

DI MANA KITA SEKARANG?

**Zaman Pascamoden
mengusur kita
ke lembah yang
tidak dikenali.**


Kita harus mencari jalan untuk melangkaui kesalingcanggahan yang terpampang di hadapan kita. Kita harus mencari jalan untuk hidup dengan ketidaktentuan, mengakui kejahilan kita, memahami serta menghormati perspektif berbeza. Kita perlu maju melangkaui dialog menuju polilog. Demi masa depan yang lebih cerah, adalah sangat penting untuk merangsang kreativiti kita, meluaskan sempadan imaginasi kita dan mengangkat prinsip nilai serta akhlak.

Meskipun perubahan secara besar-besaran sedang berlaku di sekeliling kita, seperkara yang kekal utuh dan tidak berubah adalah prinsip moral dan akhlak kita. Itulah kompas yang akan bantu kita mengemudi zaman pascanormal ke arah masa depan yang lebih berdaya maju dan mampan.

Malaysia bertuah kerana dikurniakan dengan kemajmukan tradisi Islam, Cina dan India yang disertai dengan warisan budaya yang kaya dengan prinsip dan nilai murni. Sama ada kita bercakap tentang keluarga, masyarakat, negara, atau bumi ini, sejarah yang kita kongsi bersama membekalkan kita dengan nilai-nilai mampu membimbing kita ke arah keadilan dan kehidupan yang baik.

Daripada warisan yang kaya ini, kita boleh memilih hal yang paling boleh membantu kita dalam mengemudi zaman pascanormal – yang paling membantu kita untuk berfikir secara rumit, menjangka keberantakan dan mengatasi kesalingcanggahan.

HUBUNGAN MADANI DAN ZPN



Kemunculan zaman pascanormal telah menghadirkan kesulitan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang telah menghabiskan lebih dua puluh tahun daripada hayatnya berjuang demi keadilan dan mengangkat martabat rakyat. Justeru, buah fikirannya harus didasarkan kepada unsur asasi teori pascanormal. Hasilnya adalah **MADANI**.

MADANI merupakan kerangka dasar dan rencana reformasi untuk Malaysia, yang membuka jalan bagi melonjakkan negara menuju masa depan yang lebih baik. Pendekatan MADANI mengambil kira sisi sejarah dan juga keadaan semasa, dengan penekanan kepada enam nilai teras yang mendasari semua tradisi kaum dan budaya di negara kita termasuklah Melayu, Cina, India, Dayak, Kadazan dan Orang Asli.

Enam rukun MADANI yang akan memastikan keselamatan bahtera negara melayari zaman pascanormal adalah.

KE (M) AMPANAN
KESEJ (A) HTERAAN
(D) AYA CIPTA
HORM (A) T
KEYAKI (N) AN
(I) HSAN

Tiap rukun ini saling berkaitan. Setiap satunya mempengaruhi nilai-nilai yang lain dan kesemua rukun ini harus berfungsi secara bersama. Ia mendorong pemikiran rakyat Malaysia ke arah pembinaan sebuah masyarakat yang adil, terangkum dan saksama. Rukun ini juga berperanan sebagai kompas yang tepat dalam pelayaran menuju destinasi di tengah-tengah samudera ketidakpastian dan kejahilan yang pada hari ini memenuhi segenap ruang zaman pascanormal yang sarat dengan kerumitan, keberantakan dan kesalingcanggahan.


KERANGKA DASAR MADANI

MADANI adalah dokumen hidup.

Dasar ini terbentuk berdasarkan visi yang dipimpin oleh enam rukun, yang berfungsi secara bersama sebagai panduan yang rumit dan bersepadu. Kesedaran mengenai masa depan dan pemikiran pascanormal kemudiannya diperkenalkan kepada lapan elemen utama masyarakat Malaysia: sektor ekonomi, institusi, pendidikan, sosial, budaya,

bandar dan desa. Pemantauan ditekankan bagi memastikan dasar itu terus dilaksanakan, dan institusi tertentu diberdaya dan diberi kuasa bagi memastikan dasar itu dilaksanakan dengan betul agar membuahkan hasil.

Kerangka dasar **MADANI** tidak bersifat linear atau satu arah sahaja. Semakan dan penegasan semula adalah penting dalam mengemudi zaman pascanormal, dan oleh itu ia terbina dalam **MADANI**.





Membangun Malaysia **MADANI**

Animasi **SCRIPT/MADANI** merupakan suatu persembahan rukun dan kerangka dasarnya dalam bentuk 3D, menunjukkan bagaimana ia berhubung dengan zaman pascanormal dan masa hadapan.

6 RUKUN MADANI

KEMAMPANAN

Tatkala berbicara soal mampan, ini bukan semata-mata bicara soal alam sekitar. Kemampanan merujuk kepada pembikinan, suatu proses yang berterusan dan diusahakan secara bersama. Kemampanan turut difahami sebagai keseimbangan yang bersandar pada kesejahteraan manusia; keseimbangan berterusan yang disulami dengan rasa hormat manusia terhadap alam dan sesama manusia itu sendiri. Justeru, kemampanan tidak hanya menzahirkan keprihatinan kita terhadap alam sekitar, tetapi juga kepada masyarakat di desa dan di bandar, keluarga serta individu.



I'm Too Small

Anju

Multi-disciplinary Artist

Kemusnahan dunia sedang berlaku, namun anda enggan mengakuinya. Atau pun anda sedar akan bahayanya, namun memilih untuk tidak memikirkannya. Mengakui adanya satu keperluan mendesak untuk memulakan amalan yang mampan adalah mengerikan. Memahami dampak tindakan kita terhadap planet ini memang menakutkan, namun ia turut menghadirkan kekuatan. Saya telah mengumpulkan sampah sarap bagi menggerakkan projek ini, namun tidak menyangka ia begitu banyak sehingga tidak lagi mampu dimuatkan di dalam laci. Nyatalah perubahan iklim itu tidak dapat dinafikan lagi, bahkan kesannya dapat dirasakan pada tiap hari. Merealisasikan kemampanan itu lebih dari sekadar mengulang mantera guna semula, kurangkan dan kitar semula. Kita harus faham cabaran yang sedang kita hadapi, dampak yang terhasil daripada tabiat perbelanjaan kita, serta menuntut perubahan hakiki daripada mereka di tampuk pemerintahan.

KESEJAHTERAAN

Konsep kesejahteraan dalam sejarah tradisi tempatan sering merujuk kepada konsep kejayaan, kebahagiaan, dan kesejahteraan holistik, yang bukan sahaja merujuk kepada kesejahteraan secara zahir, tetapi juga batin manusia, lantaran kepuasan menunaikan perintah Tuhan. Dalam konteks Malaysia, kesejahteraan yang ingin dicapai haruslah melibatkan semua kaum, dan ini harus menjadi matlamat berterusan pada masa kini dan generasi akan datang, sama ada semasa kita di puncak kemakmuran atau semasa di jurang kemerduman, matlamat ini tidak boleh berubah. Faham kesejahteraan mengikut acuan tempatan ini juga bersifat progresif, di mana pertumbuhan ekonomi serta kemajuan individu dan rakyat secara keseluruhannya, mampu berjalan serentak tanpa meminggirkan atau mengorbankan pihak lain dan alam sekitar.



Gestro

Fakhrul Zaman

Fine Artist / Multi-disciplinary Artist

Saya telah menggantikan berus dan kanvas dengan arca ringkas dan kolaj setelah terinspirasi dengan UFO. Konsep gabungan karya 3D dan 2D minima dalam pameran ini dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan terpakai. Pameran ini memberi tumpuan kepada objek bersaiz kecil yang disusun di atas meja dan rak, sementara dinding pameran dihiasi dengan kolaj. Kedua-dua gaya ini mirip dengan tingkah laku seorang kanak-kanak yang cenderung untuk mengutip sebarang objek yang mereka temui, serta mengoyakkan cebisan kertas, majalah atau buku. Mesejnya adalah soal ihsan terhadap objek masa lalu, masa kini dan masa depan. Pengkarya seni cuba menjadi seperti kanak-kanak dan bertindak untuk menjadi sedikit naif. Memang arca minimal ini bersifat abstrak, separa realistik dan di bawah sedar, tetapi mesej yang ingin dikumandangkan adalah serius kepada seluruh pelusuk dunia

DAYACIPTA

Sebarang reka bentuk yang punyai makna di sebaliknya tergolong dalam kategori reka bentuk sadar (conscious design). Ia mengandaikan dua perkara penting. **Pertama:** wujudnya niat dan proses yang terancang. **Kedua:** daya kreativiti sebagai nadinya. Maka, proses daya cipta melibatkan tindakan kreatif, gubahan dan reka bentuk yang mengutamakan keperluan manusia. Sebagai teras kepada kemajuan rakyat, daya cipta merupakan suatu proses yang berterusan dan sentiasa berubah, yang mengangkat daya kreativiti rakyat dan mengasah bakat mereka. Negara yang berdaya cipta akan menjamin sebuah persekitaran yang kondusif bagi memupuk daya kreativiti dalam semua bidang masyarakat dan ekonomi, dilengkapi dengan infrastruktur yang mampu untuk menyokong penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih baik. Semangat daya cipta harus mengenal pasti apa yang telah tersedia di luar sana dan meneroka cara bagi memperbaikinya, atau cara melakukannya dengan lebih baik pada masa hadapan.



Aku Bukan Pendatang

Stephen Menon

Multi-disciplinary Artist

Kehormatan diri begitu asasi bagi mencapai kesaksamaan dalam diri kita dan juga dalam masyarakat. Kita akan lebih berupaya untuk menuntut layanan yang adil, mempertahankan hak, serta menyumbang secara positif kepada dunia. Bagi menyuburkan kehormatan diri, kita harus yakin dengan nilai kita sendiri, mencabar pemikiran yang negatif, serta menetapkan sempadan yang berguna. Kita juga harus memastikan kesejahteraan diri, menentang kezaliman, dan bantu untuk mengangkat martabat orang lain. Hanya dengan menyuburkan kehormatan diri dalam masyarakat kita mampu mewujudkan kesan beralun yang akan memperkasa rakyat dan menjamin kesaksamaan. Pengembaraan ini tentunya bermula dengan merobohkan tembok diskriminasi, mencabar ketidaksamarataan, serta membentangkan jalan kepada sebuah dunia yang lebih adil dan inklusif. Ia merupakan suatu pengembaraan yang menyaksikan kemajuan diri dan perubahan sosial yang mensyaratkan adanya sikap ihsan, keberanian, serta tindakan yang menghargai nilai tiap manusia.

HORMAT

Ada yang terkeliru antara rasa hormat dengan taklid buta atau ketaatan yang tidak berbelah bahagi. Hakikatnya, hormat adalah soal maruah dan kemanusiaan. Budi bahasa, kesopanan, dan kesederhaan yang wujud dalam nilai hormat bukan sekadar asas kepada tingkah laku yang baik, tetapi juga asas kepada terbinanya peradaban. Seseorang itu harus disantuni sebagaimana ia mahu disantuni, dan ini diajar dalam tiap agama di negara kita. Hormat menjadi asas kepada pergaulan masyarakat, dan ia tetap dilakukan meski tanpa dibalas. Mendengar apa yang dikatakan oleh orang lain itu sama pentingnya dengan mengiktiraf kewujudan diri. Menghormati bererti menerima jika seseorang melakukan kesilapan dan memperbaikinya. Sikap ini akan merubah kesedaran masyarakat agar lebih mendalami mengenai hakikat mereka serta mempererat pertalian mereka sebagai sebuah bangsa. Sementara itu, sikap hormat terhadap alam juga akan menjamin kemampunan yang lebih baik.



Shut Up and Game!


Peter Jambai Anak Albert Bangau

Multi-disciplinary Artist

Daya cipta merupakan tunjang kepada kemajuan manusia. Naratif perubahan itu seumpama anyaman yang disulami dengan bebenang multimedia digital yang pelbagai. Tiap benang yang halus itu menghubungkan kita semua merentasi benua berbeza, hasil perkembangan teknologi, sekaligus menzahirkan naluri asasi kita dan sikap dahagakan ilmu. Ia turut menyerlahkan unsur asasi yang wujud dalam proses kreatif; dari hikmah kebijaksanaan desa yang silam kepada hab inovasi bandar. Paparan digital itu menunjukkan di mana kedudukan kita pada masa lalu, dan ke mana sedang kita tuju, dengan berhemah dan penuh keberanian.

KEYAKINAN

Keberantakan yang menkucar-kacirkan dunia pada awal kurun ke-21 telah sedikit sebanyak menghakis keyakinan kita terhadap pelbagai perkara, terutamanya kepada kerajaan. Suatu ketika dahulu, ia turut meremehkan harapan kita yang mahu menyaksikan kitaran feudalisme kleptokrasi ditamatkan. Namun kita tidak harus berputus asa kerana keyakinan merupakan asas kepada demokrasi. Keyakinan merupakan amanah duniawi dan juga ukhrawi, yang telah menjadi tulang belakang kepada bertunasnya peradaban sepanjang sejarah. Di Malaysia, keyakinan turut disertai dengan dua lagi unsur: kepercayaan dan timbal balas. Kita bukan semata-mata bertanggungjawab untuk membina keyakinan terhadap diri kita, tetapi juga harus menghormati kepercayaan yang telah diberikan kepada kita. Keyakinan begitu asasi dalam kegiatan harian kita, bermula daripada perniagaan dan tatakelola, hinggalah kepada hidup bermasyarakat – dengan menzahirkan keprihatinan dan ihsan. Keyakinan akan mempertaut semula hubungan yang telah renggang atau terputus, dan melangkaui halangan yang baru muncul sejak beberapa dekad yang lalu.



Golden Shafts

Liu Cheng Hua

Sculptor / Multi-disciplinary Artist

Pada tahun 2014, tumpuan saya beralih daripada perlombongan bijih timah La Root kepada perlombongan emas di Raub. Raub telah menjadi terkenal dengan perlombongan emas sejak 1889 lagi di bawah kelolaan Lombong Emas Australia Raub (RAGM). Kalimat Raub itu sendiri dalam Bahasa Melayu mengandungi maksud mengaup. Karya seni "Golden Shafts" dalam siri ini melambangkan teknik perlombongan di Raub yang menggunakan buluh tempatan. Ia membawa mesej pengaliran hasil mahsul bumi ke luar, sekaligus mengutuk monopoli Barat.

IHSAN

Sikap ihsan bertunas daripada kasih sayang. Justeru, mengasihi sesama manusia, termasuklah jiran kita, lingkungan serta masyarakat luar dan kaum minoriti adalah penting. Kita dituntut untuk mengambil sikap saling bertanggungjawab terhadap satu sama lain. Maka selain mencurahkan sikap ihsan, masyarakat juga berhak diihsani. Hubaya, sikap ihsan bukanlah suatu perasaan yang sementara. Bersikap ihsan bererti meletakkan diri di kedudukan orang lain agar kita merasai derita yang mereka alami, agar dengannya kita mampu memberikan penawar yang betul. Maka rakyat disarankan untuk bersikap ihsan dengan sepenuh kejujuran, punyai tekad untuk mengangkat martabat umat, sama ada dari sudut ekonomi, kewangan mahu pun dari sudut sahsiah dan tingkah laku. Harus juga ada sikap ihsan terhadap alam, dengan cara menjaga batas dalam pembangunan dan sempadan planet.



The Philosophy Of Trust By The Leaders (2024)

Azizan Paiman

Sculptor / Multi-disciplinary Artist

Saya berminat untuk meneroka mengenai konsep "KEYAKINAN" dalam konteks "Integriti" sebagai metafora kepada keseimbangan yang halus antara keyakinan dengan keraguan dalam kepimpinan politik. Dengan menggunakan pelbagai medium berbeza (kertas buatan tangan, teks dan pendekatan paparan sebagaimana di muzium), saya ingin mengajak semua untuk merenung semula keyakinan yang kita letakkan kepada mereka yang mentadbir negara kita, dan bandingkan dengan kenyataan tindakan dan integriti mereka. Dengan menjelaskan hubungan yang rumit ini, saya berharap dapat mengajak semua agar berfikir sejenak mengenai kepentingan keyakinan dalam membentuk masa depan kita bersama, serta pertanggungjawaban yang harus kitauntut daripada para pemimpin kita.

NOTA:


FURTHER READING



Ziauddin Sardar, editor, **The Postnormal Times Reader**, CPPFS/IIIT, London and Kuala Lumpur, 2019.



Ziauddin Sardar, **Shamim Miah** and **Scott Jordan**, editors, **The Postnormal Times Reader Volume 2**, CPPFS/IIIT, London and Kuala Lumpur, 2024



Anwar Ibrahim, **Membangun Negara MADANI**, CPPFS/IDE, London and Shah Alam Selangor, 2022.



Anwar Ibrahim, **SCRIPT For a Better Malaysia**, CPPFS/IDE, London and Shah Alam Selangor, 2022.



Setahun Bersama Kerajaan MADANI, Pejabat Perdana Menteri, Putra Jaya, 2003



Ziauddin Sardar, editor, **Emerging Epistemologies: The Changing Nature of Knowledge in Postnormal Times**, with a Foreword by Anwar Ibrahim, CPPFS/IIIT, London and Kuala Lumpur, 2022



Ziauddin Sardar, **Jordi Serra** and **Scott Jordan**, **Muslim Societies in Postnormal Times: Foresight for Trends, Emerging Issues and Scenarios**, second edition, CPPFS/IIIT, London and Kuala Lumpur, 2024

The Atlas of Muslim Futures:
atlas.postnormaltime.es

Postnormal Times Website:
postnormaltim.es



ATRIBUSI IMEJ

MUKA DEPAN

Portrait-beautiful-woman
-with-hijab-is-smiling
Close-up-portrait-smiling
-woman-wearing-traditional
-clothing-flowers
Young-indian-woman
-wearing-sari

Freepik

PERUTUSAN PERDANA MENTERI

Weekly-Echo:
Ehsan Pakatan Harapan

ZAMAN PASCANORMAL

polar-bear-iceberg-ocean
-generative

Freepik

Banjir di Lembah Klang

Shutterstock

AI: Sophia,
Warga Robot pertama di
AI for Good Global Summit
2018.
Pengarang: ITU Pictures.
CC BY 2.0.
<https://tinyurl.com/ycy724uh>

APA YANG TELAH TERJADI?

Trump:
Donald Trump berucap di
Mahkamah Tinggi Washington,
D.C.
21, 2023 12:40PM EST

Foto: Vincent Alban/Reuters
Penulis: Jose Pagliery

Demonstrasi di
Dataran Merdeka,
Kuala Lumpur
Ogos. 02, 2021

Perkarangan Masjidil Haram
di Mekah, Arab Saudi
Foto: Richard Mortel

KITA SEDANG MENEMPUH ZAMAN PASCANORMAL

Graffiti

"Kita tidak boleh kembali
ke normal kerana normal
adalah punca masalah
sebenarnya."

https://www.reddit.com/r/HongKong/comments/efggfw/graffiti_reads_we_cant_return_to_normal_because/

Greta Thunberg,
Perhimpunan "School strike
for the climate" diluar
perkarangan Parlimen Sweden
di Stockholm, Sweden,
Nov. 30, 2018.

PERUBAHAN PASCANORMAL 4S'S

Sam Bankman-Fried.
Crypto, News, Trending, World
oleh Archie Garg
Nov. 18, 2022

DAYA PASCANORMAL 3C'S

Shibuya Crossing
foto-1528642474498
-1af0c17fd8c3

Freepik

Justin Sacco
Disember 2013
Sumber: Facebook

Jacob Chansley,
atau lebih dikenali sebagai
"QAnon Shaman,"
melaungkan "freedom!"
didalam US Senate chamber,
Washington.
Jan. 6, 2021

Foto: Win Mcnamee/
Getty Images

SCRIPT/MADANI POLICY FRAMEWORK

Bilik Madani
bram goats